

**GARIS PANDUAN
PEMINDAHAN KREDIT**

1.0 PENGENALAN

Pindah kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut:

- (a) Vertical – pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.
- (b) Horinzontal – pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti daripada sijil ke sijil, diploma ke diploma, ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda.

Pindah kredit boleh dilakukan kepada pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (selepas ini disebut UniSZA) dan pelajar daripada Universiti lain yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi atau diluluskan oleh Senat UniSZA.

Sebarang proses pindah kredit yang akan dilaksanakan adalah tertakluk kepada syarat awal kemasukan pelajar mengikut bidang yang dipohon di UniSZA.

Sumber :

Pemakluman berkaitan dasar pindah kredit.

Surat JPT : JPT(A) 1000/001/012/23 Jld.2 (35) bertarikh 25 April 2016

Panduan Pindah Kredit Bahagian Pengurusan Akademik UniSZA

2.0 DASAR PINDAH KREDIT

- 2.1 Pindah kredit daripada kelayakan Sijil (Tahap 3, MQF) ke kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) dengan pindahan maksimum sebanyak 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.
- 2.2 Pindah kredit secara vertical daripada kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) ke kelayakan Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dengan pindahan maksimum sebanyak 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.
- 2.3 Pindah kredit kepada pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pengajian untuk kali kedua pada peringkat kelayakan yang sama (Contoh : ISM dakwah ke ISM Syariah) :
 - (a) Bagi pelajar yang melanjutkan pengajian untuk kali kedua di Institusi Pengajian Tinggi yang sama, tiada had pindah kredit ditetapkan.
 - (b) Bagi pelajar yang melanjutkan pengajian untuk kali kedua di Institusi Pengajian Tinggi yang berbeza, tempoh pemastautin pelajar (*residential year*) adalah seperti berikut:
 - (i) Ijazah Sarjana/PhD – 1 semester (mod campuran dan kerja kursus)
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda – 1 tahun
 - (iii) Diploma dan Sijil – 1 semester.
- 2.4 Pindah kredit perlu berasaskan kepada pemetaan kursus dan tertakluk kepada syarat umum pindah kredit iaitu:

- (a) Gred lulus – gred minimum iaitu Gred C
- (b) Nilai kredit – sama dengan nilai kredit kursus bagi program di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) penerima;
- (c) Kesetaraan kurikulum kursus – tidak kurang daripada 80%; dan
- (d) Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi/ Pengiktirafan daripada badan yang berautoriti di negara berkenaan.

2.5 Pemindahan kredit boleh dilakukan bergantung kepada tempoh selama sekitar 5 tahun.

2.6 Program pengajian yang terlibat dalam program pindah kredit hendaklah memenuhi ketetapan berikut:

- (a) Transkrip pelajar hendaklah menyatakan kursus yang melibatkan pindahan kredit daripada IPT di dalam dan luar negara;
- (b) Program yang disertai oleh pelajar telah diiktiraf atau mendapat akreditasi di negara yang berkenaan; dan
- (c) Silibus, struktur dan cara pemindahan kredit bagi satu-satu program akademik yang ditawarkan telah diselaraskan di antara IPT yang berkaitan.

2.7 Pemindahan kredit program badan persijilan adalah mengikut pemakaian Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) seperti berikut:

- (a) Program badan persijilan perlu mematuhi dan memenuhi keperluan MQF;

- (b) Perlu mengadakan kerjasama dengan UniSZA melalui Perjanjian Persefahaman MoA atau MoU;
- (c) Mengemukakan permohonan untuk kesetaraan program dan kursus;
- (d) Memenuhi kelayakan masuk selaras dengan dasar dan standard yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan MQA; dan
- (e) Memenuhi syarat pemindahan kredit yang ditetapkan bagi program yang diterima pakai bagi kelulusan pengendalian program yang dipohon.

3.0 GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT UniSZA

3.1 Pemindahan Kredit secara *vertical* berdasarkan situasi berikut:

- 3.1.1 Pemindahan kredit daripada sijil Asasi Sains (PUSPA, UniSZA) (Tahap 3, MQF) ke kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) dengan pindahan maksimum sebanyak 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.
- 3.1.2 Pemindahan kredit daripada Diploma (Tahap 4, MQF) ke kelayakan Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dengan pindahan maksimum sebanyak 30% (lebih kurang 1 tahun pengajian) daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.

- 3.1.3 Pemindahan kredit daripada Diploma Lanjutan (Tahap 5, MQF) ke kelayakan Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dengan pertimbangan pindahan maksimum 60% atau sehingga 2 tahun pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda (pelajar akan mengikut tahun 3 program Ijazah Sarjana Muda).
- 3.1.4 Pemindahan kredit daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program di peringkat yang lebih rendah tidak boleh dilakukan.

3.2 Pemindahan kredit secara horizontal

- 3.2.1 Pemindahan daripada pelajar yang sedang mengikuti program dan ingin menukar program lain dalam bidang yang sama dengan bidang yang sedang diikuti adalah dibenarkan.
- (a) Tiada had pemindahan kredit kepada pelajar UniSZA tertakluk kepada syarat pindah kredit bagi program berkaitan diambil di Universiti Sultan Zainal Abidin.
- (b) Pemindahan kredit adalah tertakluk kepada syarat pemastautin pelajar sekiranya pelajar daripada Institut Pengajian Tinggi lain.
- 3.2.2 Pemindahan kredit tidak berlaku kepada pelajar yang gagal program dan ingin melanjutkan pengajian dalam program di peringkat yang sama.
- 3.2.3 Pemindahan kredit boleh dipertimbangkan kepada pelajar yang berhenti belajar daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi di dalam program lain di peringkat yang sama.

(a) Tiada had pemindahan kredit kepada pelajar UniSZA tertakluk kepada syarat pindah kredit bagi program berkaitan diambil di Universiti Sultan Zainal Abidin.

(b) Pemindahan kredit adalah tertakluk kepada syarat pemastautin pelajar sekiranya pelajar daripada Institut Pengajian Tinggi lain.

3.2.4 Pemindahan kredit adalah dibenarkan kepada pelajar yang sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa kursus atau mata pelajaran di IPT yang lain (contoh program mobiliti atau program pertukaran pelajar). Pemindahan kredit tersebut hendaklah tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit program pengajian yang sedang diikuti dan ianya adalah berdasarkan persetujuan antara IPT berkenaan dengan UniSZA.

4.0 PEMINDAHAN KREDIT KURSUS DALAM TALIAN

4.1 Pemindahan kredit boleh dilakukan daripada bentuk pengajian secara *Massive Open Online Course* (MOOC) dengan mata pelajaran yang setara dan dalam bidang yang sama sebagaimana yang ditawarkan di UniSZA.

5.0 PEMINDAHAN KREDIT MOBILITI

5.1 Tempoh minimum mobiliti berkredit/semester adalah 12 jam kredit.

5.2 Tempoh minimum mobiliti berkredit/kursus adalah dua (2) minggu dengan perkiraan berikut:

Jumlah jam belajar = jam kredit

6.0 PINDAH KREDIT PELAJAR LUAR NEGARA

Pindah kredit adalah dibenarkan kepada pelajar lepasan mana-mana sijil dan diploma daripada mana-mana institusi pengajian tinggi luar negara yang mempunyai hubungan persetujuan atau kerjasama, yang tidak dapat menyambung pengajian di negara berkenaan tetapi memohon melanjutkan pengajian peringkat yang lebih tinggi sama ada diploma atau Ijazah sarjana muda di UniSZA, dengan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a. Pelajar perlu tamat dan lulus program berkenaan dengan lulus sekurang-kurangnya CGPA 2.0,
- b. Pelajar boleh menyambung pengajian di UniSZA dengan mengikuti program kerjasama dan pindah kredit secara horizontal bagi kursus-kursus yang bersesuaian dengan kelulusan Senat; atau
- c. Pelajar yang mendapat kebenaran bertulis daripada MQA/KPT sahaja yang dipertimbangkan untuk menyambung pengajian di UniSZA.

GARIS PANDUAN

PEMINDAHAN KREDIT MENGGUNAKAN KURSUS YANG DIAMBIL SECARA DALAM TALIAN (MOOC)

Bahagian Teknologi Pendidikan & Inovasi Akademik

Pusat Pengurusan Kecemerlangan Akademik & Pengantarabangsaan

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	11
2.0	KRITERIA KURSUS DALAM TALIAN UNTUK PEMINDAHAN KREDIT	12
3.0	KURSUS YANG DIBENAR UNTUK DIBUAT PEMINDAHAN KREDIT	13
4.0	PROSIDUR PEMINDAHAN KREDIT	14
5.0	UJIAN KOMPETENSI KURSUS DALAM TALIAN	16
	RUJUKAN	18

1.0 PENGENALAN

MOOCs (Massive Open Online Courses) adalah kursus (atau unit pembelajaran) dalam talian yang ditawarkan secara terbuka kepada semua orang di seluruh dunia. Kursus MOOC mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang fasilitator yang bertauliah dengan sesuatu institusi yang bertanggungjawab mengendalikan kursus tersebut secara dalam talian. Penawaran kursus secara MOOC di institusi pengajian tinggi telah diperkenalkan sejak 2014 dan telah diterapkan sebagai salah satu lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025 yang menekankan pembelajaran dalam talian secara global.

Garis panduan pemindahan kredit menggunakan kursus yang pernah diambil secara dalam talian seperti MOOCs pula merupakan inisiatif kepada Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (APEL). APEL merupakan satu proses pengiktirafan kemahiran dan pengetahuan berasaskan pengalaman tidak formal terdahulu yang belum pernah dinilai atau diberi kredit sebelum ini. Inisiatif ini bukan sahaja mewujudkan satu galakan pembelajaran tanpa hayat di kalangan pelajar, namun menawarkan pendidikan fleksibel yang mengiktiraf pembelajaran pelajar di luar pengajian formal.

Proses pemindahan kredit bagi sesuatu kursus dalam program yang ditawarkan di UniSZA perlu menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh Garis Panduan Pemindahan Kredit MOOC oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Selain daripada itu, garis panduan berikut juga boleh dijadikan rujukan lanjut :

- i. Dokumen rubrik CAP elearning (BPPA, 2014)
- ii. e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs (Ministry of Education, 2015)
- iii. Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2016)
- iv. Guidelines for Development and Delivery of Malaysia MOOC (Ministry of Education, 2016a)

- v. Guidelines on credit transfer for MOOCs. (Ministry of Education, 2016b)
- vi. Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) (Malaysia Qualifications Agency, 2009)

2.0 KRITERIA KURSUS DALAM TALIAN UNTUK PEMINDAHAN KREDIT

Kursus yang telah diambil secara dalam talian seperti MOOC bagi dibuat pemindahan kredit kepada kursus pengajian semasa perlu memenuhi syarat-syarat berikut: -

- 2.1 Kursus tersebut telah mendapat kelulusan di peringkat Senat UniSZA sebagai kursus yang layak untuk dipertimbangkan bagi permohonan pemindahan kredit.
- 2.2 Kursus tersebut belum pernah digunakan untuk pemindahan kredit dalam mana-mana program pengajian formal.
- 2.3 Kursus tersebut mencapai kesetaraan silibus sekurang-kurangnya 80% dengan kursus yang hendak dipindahkan kredit. Kombinasi daripada beberapa kursus dalam talian yang lain juga boleh diambilkira untuk melengkapkan kesetaraan 80% tersebut.
- 2.4 Kursus tersebut mempunyai nilai jam kredit yang setara dengan kursus program yang ingin dibuat pemindahan kredit menggunakan jam nosional. 1 jam kredit bersamaan 40 jam nosional. Bagi pengiraan nilai kesetaraan jam belajar pelajar (SLT) untuk elemen kursus dalam talian, panduan berikut boleh diambilkira (Ministry of Education, 2015): -
 - a. Tempoh aktiviti pengajaran atau pentaksiran secara sinkroni (segerak / masa nyata) seperti telesidang video / audio atau kuiz dalam talian adalah setara dengan tempoh masa pembelajaran bersemuka.

- b. Tempoh bagi satu paparan skrin (1 mukasurat slaid / pdf / ebook) bersamaan 5 minit.
- c. Tempoh aktiviti pembelajaran berbentuk 2 hala seperti forum, tugas adalah mengikut anggaran masa yang ditetapkan oleh instruktur. Sekiranya tiada diberikan anggaran masa, maka tempoh anggaran umum bagi setiap aktiviti adalah bersamaan 1 jam 30 minit (BPPA, 2014).
- d. Secara umum, bagi bahan yang berbentuk video, 10 minit video adalah bersamaan dengan 1 jam bagi jam belajar pelajar bersemuka. Anggaran ini berdasarkan masa sebenar video dan masa video dimainkan semula dalam proses memahami kandungan video.

2.5 Kursus tersebut mempunyai elemen asas seperti berikut: -

- a. maklumat instruktur yang mengendalikan kursus tersebut
- b. tempoh pembelajaran
- c. pernyataan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)
- d. sinopsis
- e. senarai kandungan / topik
- f. aktiviti pembelajaran
- g. aktiviti pentaksiran
- h. gred (sekiranya ada)

3.0 KURSUS YANG DIBENAR UNTUK DIBUAT PEMINDAHAN KREDIT

Kursus dalam pengajian semasa yang ingin dibuat pemindahan kredit perlu memenuhi syarat-syarat berikut: -

- 3.1. Kursus tersebut mestilah daripada program yang telah mendapat akreditasi penuh daripada pihak MQA sahaja

- 3.2. Kursus tersebut mestilah tidak mempunyai pra-syarat kursus lain, ataupun kursus pra-syarat baginya telahpun dipenuhi
- 3.3. Kursus tersebut bukan yang berbentuk amali/ bengkel / latihan industri / praktikal/ projek tahun akhir / disertasi / tesis.
- 3.4. Kursus tersebut bukan kursus wajib program, atau kursus pengkhususan program yang telah diambil secara bersemuka dan mendapat gred gagal. Namun untuk kursus bersifat elektif, pelajar boleh memohon pemindahan kredit bagi menggantikan kursus elektif menggunakan kursus yang telah diambil secara dalam talian.
- 3.5. Kursus yang telah diberikan status pemindahan kredit melalui kursus dalam talian hanya diambilkira sebagai sebahagian daripada jumlah jam kredit bergraduat. Gred kursus yang telah diambil dalam talian tersebut tidak memberi kesan kepada pengiraan purata nilai gred (GPA) dan purata nilai gred kumulatif (CGPA).
- 3.6. Jumlah bilangan kursus yang dibenarkan untuk dibuat pemindahan kredit menggunakan kursus dalam talian hanya boleh dipertimbangkan sehingga had maksima 30% daripada jumlah keseluruhan jam kredit bagi sesuatu program pengajian yang sedang diikuti.
- 3.7. Untuk program pasca siswazah, kursus yang dibenarkan untuk dibuat pemindahan kredit hanya bagi program pengajian yang berbentuk mod secara kerja kursus dan juga secara mod campuran.

4.0 PROSIDUR PEMINDAHAN KREDIT

Bagi pelajar yang ingin memohon pemindahan kredit menggunakan kursus dalam talian, syarat umum seperti berikut perlu dipenuhi: -

- 4.1. Mengemukakan sijil tamat kursus dalam talian (certificate of completion). Tempoh sah laku sijil adalah tiga (3) tahun dari tarikh sijil tersebut diperolehi.
- 4.2. Menduduki ujian kompetensi kursus dalam talian yang diadakan secara bersemuka di UniSZA atau di pusat yang ditentukan oleh penyedia kursus tersebut. Ujian kompetensi boleh diadakan dalam bentuk ujian kemahiran dan / atau gabungan dengan ujian bertulis. Soalan untuk ujian kompetensi ini digubal oleh pakar kursus (*subject matter expert*) oleh instruktur kursus dalam talian tersebut.
- 4.3. Mencapai sekurang-kurangnya gred C (minimum) bagi ujian kompetensi tersebut. Sekiranya pemindahan kredit yang dipohon menggunakan kombinasi beberapa kursus dalam talian, markah ujian kompetensi bagi kesemua kursus tersebut perlu mencapai markah minimum.
- 4.4. Mengisi borang pemindahan kredit dengan mengepilkan bukti sijil tamat kursus DAN sijil / laporan markah ujian kompetensi kursus tersebut untuk mendapat kelulusan Dekan Fakulti. Permohonan pemindahan kredit boleh dibuat pada setiap semester lazim akademik.
- 4.5. Pihak Fakulti perlu mengesahkan kesetaraan kursus dalam talian dengan kursus yang ingin dibuat pemindahan kredit. Sekiranya kursus tersebut belum diluluskan oleh pihak Senat sebagai salah satu kursus yang boleh dipertimbangkan untuk dibuat pemindahan kredit, pihak Fakulti perlu mendapatkan kelulusan Senat terlebih dahulu bagi pengesahan kesetaraan tersebut.
- 4.6. Senarai kursus yang telah diluluskan oleh Dekan fakulti untuk dibuat pemindahan kredit akan dimasukkan dalam transkrip akademik pelajar.

5.0 UJIAN KOMPETENSI KURSUS DALAM TALIAN

- 5.1. Pelajar atau pemohon yang telah memperolehi sijil tamat (*certificate of completion*) bagi kursus yang diambil secara dalam talian boleh membuat pendaftaran melalui sistem Pengurusan Ujian Kompetensi UniSZA bagi menduduki ujian kompetensi untuk kursus tersebut pada masa yang ditetapkan.
- 5.2. Pelajar atau pemohon dikehendaki membuat pembayaran secara dalam talian seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Pembayaran untuk Ujian Kompetensi Kursus Dalam Talian

Jenis Pemohon	Warganegara Pemohon	Bayaran per kredit kursus dalam talian oleh UniSZA	Bayaran per kredit kursus dalam talian selain UniSZA
Pelajar UniSZA	Malaysia	RM 20.00 /kredit (Program Diploma) RM 40.00 /kredit (Program Sarjana Muda/ Sarjana)	Bergantung kepada kadar bayaran yang ditetapkan oleh penyedia kursus dalam talian daripada institusi lain.
	Antarabangsa	RM 90.00 /kredit	
Bukan pelajar UniSZA	Malaysia	RM 50.00 /kredit	
	Antarabangsa	RM 100.00 /kredit	
Rayuan semak semula keputusan Ujian Kompetensi	Malaysia	RM 50.00	
	Antarabangsa		

- 5.3. Calon yang mengambil ujian kompetensi akan mencetak slip menduduki ujian dari sistem Pengurusan Ujian Kompetensi ini. Slip ini mengandungi maklumat calon seperti nama calon, nombor kad pengenalan/pasport, nama kursus dalam talian, angka giliran, nombor meja, tarikh, masa dan tempat ujian dijalankan.
- 5.4. Ujian kompetensi bagi kursus dalam talian UniSZA akan diadakan secara berkala (sekurang-kurangnya dua (2) kali) mengikut kalendar sistem akademik pada setiap sesi. Setiap pemohon perlu mencetak slip menduduki ujian dan menghadirkan diri pada masa dan tarikh ujian kompetensi mengikut pusat ujian yang telah dipilih.
- 5.5. Keputusan pelajar yang melepasi markah minimum dalam ujian kompetensi akan dibentangkan dalam Mesyuarat Senat UniSZA untuk pengesahan. Sijil lulus kursus dalam talian (*pass certificate*) akan dikeluarkan setelah mendapat pengesahan Senat. Pelajar yang gagal mencapai markah minimum akan dimaklumkan terus melalui sistem Ujian Kompetensi UniSZA tanpa melalui pengesahan Senat.
- 5.6. Pelajar boleh mencetak sijil lulus (*pass certificate*) kursus dalam talian tersebut dari sistem Pengurusan Ujian Kompetensi UniSZA dan menyerahkannya bersama-sama borang permohonan pindah kredit sedia ada di fakulti masing-masing.
- 5.7. Sekiranya pelajar gagal mencapai markah minimum, pelajar mempunyai dua (2) pilihan samada ingin mengambil ujian kompetensi dalam talian semula atau membuat rayuan penyemakan kertas ujian kepada pihak UniSZA dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan dikeluarkan. Bayaran untuk kedua-dua pilihan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

RUJUKAN

Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, (2014). Dokumen Bengkel Pembangunan Rubrik CAP e-Learning. 31 Mei – 1 Jun 2014. Jabatan Pendidikan Tinggi.

Malaysian Qualifications Agency. (2009). Guideline to good practices: Accreditation of prior learning. Dicapai daripada <http://www.mqa.gov.my/APEL/pdf/GGP.pdf>.

Ministry of Education. (2015). e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs. Putra Jaya: BPM

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0. Jabatan Pendidikan Tinggi.

Ministry of Education. (2016a). Guidelines for development and delivery of Malaysia MOOC. Putra Jaya: BPPA

Ministry of Education. (2016b). Guidelines on credit transfer for MOOCs. Petaling Jaya: MQA

GARIS PANDUAN

PEMINDAHAN KREDIT MOBILITI


PEMINDAHAN KREDIT MOBILITI

- 1.1 Definisi program mobiliti berkredit *inbound* ialah pelajar luar negara yang berdaftar masuk ke UniSZA. Program mobiliti berkredit *outbound* ialah pelajar UniSZA keluar ke negara lain.
- 1.2 Tempoh pelajar mengikuti program mobiliti berkredit adalah minimum 5 hari (40 jam = 1 jam kredit) tidak termasuk perjalanan dan maksimum adalah 12 bulan.
- 1.3 Jenis - jenis mobiliti adalah termasuk:
 - a) Program pertukaran 1 atau 2 semester termasuk Semester Pendek / Khas;
 - b) Kursus pendek selama satu (1) minggu atau lebih;
 - c) Latihan / latihan praktikal satu (1) minggu hingga enam (6) bulan;
 - d) Kerja penyelidikan satu (1) minggu atau lebih;
 - e) Perjalanan lapangan satu (1) hingga dua (2) minggu.
- 1.4 Kriteria-kriteria umum yang perlu dipenuhi:
 - a) Didaftar sebagai pelajar (Universiti Utama atau Universiti Tuan Rumah);
 - b) Dokumen perjalanan sah dan passport sekurang-kurangnya selama setahun;
 - c) Tiada rekod jenayah.
- 1.5 Kriteria tambahan bagi mobiliti berkredit *outbound* ialah:
 - a) Berdaftar untuk sekurang-kurangnya satu (1) semester di UniSZA termasuk Semester Pendek;
 - b) Biasiswa (dana mobiliti pelajar) hanya diberikan sekali kepada pelajar;
 - c) Tiada rekod disiplin;
 - d) Pelajar menanggung semua kos yang dikenakan semasa program. Kos yang ditanggung tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan;
 - e) Rekod akademik yang memuaskan.
- 1.6 Fakulti boleh mencadangkan beberapa geran untuk peruntukan belanjawan bagi mengikuti program mobiliti berkredit *Outbound*. Contoh


tiket udara. Bagi mobiliti berkredit *Inbound* tiada peruntukan belanjawan disediakan.

- 1.7 Pemohonan visa adalah melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bagi program mobiliti *Inbound*. Bagi mobiliti *outbound*, pelajar perlu memohon sendiri.
- 1.8 Kursus-kursus yang diambil semasa mengikuti program mobiliti berkredit (*outbound*) tersebut disetarakan dengan kursus yang ada dalam struktur pengajian jika memenuhi kesetaraan kursus.
- 1.9 Bagi kursus yang tidak memenuhi kesetaraan akan dipaparkan di dalam transkrip dan akan dikira sebagai kursus Audit (AU). PNGS dan PNGK tidak akan diambilkira.
- 1.10 Kod kursus bagi kursus yang tidak dapat disetarakan akan memaparkan kod kursus yang didaftarkan semasa mengikuti program mobiliti.

CARTA ALIR PROSES MEMOHON PROGRAM MOBILITI



CARTA ALIR PROSES KERJA MOBILITI *INBOUND* DAN *OUTBOUND*



Pelajar mendaftar di fakulti



Fakulti memaklumkan kepada Pusat Antarabangsa (IC) untuk pemantauan



Fakulti mengemukakan laporan dalam tempoh 2 minggu (bertulis, video, tayangan slide) kepada Pusat Antarabangsa (IC) dan Timbalan Naib Canselor (A & A)

Pemohon mendaftar kursus mobiliti yang telah diluluskan Senat (JIKA BERKREDIT)



Pelajar mendaftar di Universiti Tuan Rumah



Fakulti memaklumkan kepada Pusat Antarabangsa (IC) untuk pemantauan



Pemohon menghantar salinan keputusan peperiksaan ke Fakulti untuk disahkan (JIKA BERKREDIT).



Fakulti memasukkan markah di Bahagian Pengurusan Akademik (JIKA BERKREDIT).



Fakulti mengesahkan markah dalam Jawatankuasa Pemeriksa Fakulti dan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Akademik dan Senat untuk disahkan (JIKA BERKREDIT).




Fakulti mengemukakan laporan dalam tempoh 2 minggu (bertulis, video, tayangan slide) kepada IC dan Timbalan Naib Canselor (A & A)



Hebahan keputusan kepada pelajar setelah disahkan dalam Mesyuarat Senat (JIKA BERKREDIT).

CARTA ALIR PEREKODAN DALAM TRANSKRIP AKADEMIK BAGI MOBILITI *OUTBOUND*



Kursus dapat disetarakan

- 1. Kod kursus mengikut struktur
- 2. Papar Gred
- 3. Kira PNGS dan PNGK

Kursus tidak dapat disetarakan

- 1. Kod kursus universiti berkenaan
- 2. Gred AU
- 3. Tidak dikira dalam PNGS PNGK.

**Dicatatkan dalam transkrip akademik pelajar mengikuti mobiliti berkredit di pada semester

